

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 1995/96

Oktober/November 1995

SPU405 - Seminar Politik Malaysia

Masa : [3 Jam]

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab mana-mana **TIGA (3)** soalan. Semua soalan membawa markah yang sama.

1. Apakah yang dimaksudkan dengan metodologi ekonomi politik? Pilih mana-mana **lima (5)** kertaskerja dalam kursus seminar ini dan huraikan kaitannya dengan ekonomi politik, serta kekuatan atau kelemahan analisisnya.

[100 markah]

2. 'Dasar Ekonomi Baru (1970 - 1990) akhirnya adalah Kapitalisme Pemerintah'.

Dengan membuat rujukan kepada kertaskerja-kertaskerja yang tertentu huraikan:

- (a) Sejauhmana benar kenyataan di atas.
- (b) Kaitan dasar di atas dengan pembentukan kelas dan hubungan kaum di Malaysia.
- (c) Kaitan dasar di atas dengan strategi pengindustrian di Malaysia.
- (d) Kaitan dasar di atas dengan perubahan bentuk pemerintahan Malaysia dan kepimpinan awam.
- (e) Kaitannya dengan politik kepartian.

[100 markah]

...2/-

[SPU 405]

3. Bincangkan perbezaan dan persamaan besar dalam perkembangan politik di Sabah dan di Semenanjung.

[100 markah]

4. Kaitkan pembangunan mana-mana sektor ekonomi Malaysia dengan permasalahan pemerintahan, pimpinan awam dan pembentukan kelas dan hubungan kaum.

[100 markah]

5. Apakah impak besar 'Persyarikatan Malaysia' dan 'Penswastan' ke atas pembentukan pemerintahan Malaysia, pimpinan awam dan pembentukan kelas dan hubungan kaum?

[100 markah]

6. Bagaimanakah boleh kita kaitkan hal-hal: pembesaran kapitalisme Malaysia, kemasukan buruh asing, pembesaran kelas menengah tempatan, pindaan-pindaan dalam undang-undang awam, hubungan antara pemerintahan pusat dan negeri dan hubungan kaum yang lebih stabil, di dalam satu pakej analisa politik Malaysia?

[100 markah]

-- oo oOo oo --